

Anwar jawab tuduhan melulu tokoh2 Pas

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh PUAD ONAH

KUALA TERENGGANU, Selasa — Kedatangan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim ke sini untuk mematah dan menjelaskan segala tuduhan dan kecaman melulu pemimpin Pas dapat menyelesaikan beberapa kekeliruan di kalangan pengundi pilihanraya kecil Binjai.

Selama dua hari di sini, Encik Anwar, bekas pemimpin ABIM berjaya menarik majoriti pengundi mendengar jawapan-jawapannya yang bernas dalam ceramah-ceramah anjuran Barisan Nasional.

Sejak seminggu lalu, pengundi dan penyokong kedua parti 'disumbat' berbagai kecaman oleh pemimpin-pemimpin Pas tanpa memberi tafsiran berasas, tetapi kini mereka memahami tujuan dan hasrat kerajaan melaksanakan sesuatu

program atau rancangan menyerapkan Islam dalam sistem pentadbiran kewangan dan pendidikan.

Ramal pemerhati politik mengakui kebolehan Encik Anwar meyakinkan para pengundi, termasuk penyokong parti pembangkang, tentang mengapa mereka harus memberikan kerusi Dewan Undangan Negeri Terengganu kawasan Binjai kepada Barisan Nasional.

Kafir

Sejak penamaan calon pada 24 November lalu, Pas menggunakan isu kafir-mengkafir, halal haram dan serangan peribadi ke atas pemimpin kerajaan termasuk Encik Anwar sendiri.

Usaha-usaha Kerajaan menubuhkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, insurans dan pajak gadai Islam adalah isu utama yang ditekam dan dibangkang oleh pemimpin Pas.

Beberapa tokoh muda Pas mensifatkan usaha Kerajaan menubuhkan

institusi-institusi tersebut bagi faedah rakyat, khususnya umat Islam di negara ini, sebagai tidak bererti dalam sistem pentadbiran dan ekonomi yang mengamalkan riba.

Minyak atar, sejenis minyak wangi Arab, menjadi topik utama dalam ceramah-ceramah dan kempen Pas.

Parti itu mensifatkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan institusi lain itu seperti sebotol minyak atar yang dibuang ke dalam kolam yang kotor.

"Kolam itu tidak akan berubah menjadi wangi tetapi sebaliknya minyak atar tersebut yang akan kotor", dakwa seorang tokoh muda Pas.

Pemimpin-pemimpin Pas juga menimbulkan kekeliruan kepada pengundi dengan melautkan "Pas sebagai Islam dan Islam itu Pas manakala Umno ialah kafir dan kafir itu Umno".

"Tetapi, mereka gagal memberi tafsiran sebenar apa itu Pas dan Islam dan hanya memesongkan akidah orang-

orang kampung di Binjai dengan memainkan isu agama," kata seorang pemimpin Barisan Nasional.

Dengan penjelasan dan penerangan Encik Anwar, pengundi-pengundi kini dapat membezakan antara kenyataan dan tuduhan melulu serta memahami matlamat dan hasrat kerajaan.

Dalam lima ceramah-nya kepada pengundi-pengundi Binjai, beliau menjelaskan bahawa penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam bukanlah berasaskan pemikiran pemimpin Umno dan Barisan Nasional semata-mata.

Sebaliknya, usaha-usaha itu diilhamkan oleh sarjana-sarjana dan cendekiawan Islam dari seluruh dunia Islam.

Meneliti

Menurutnya, dunia Islam berikrar memberi sokongan kuat kepada usaha Malaysia itu setelah berpuas hati atas kesungguhan Kerajaan merancang kedua-dua institusi tersebut.

Selain Encik Anwar, beberapa tokoh termasuk Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Sanusi Junid, Datuk Harun Idris dan beberapa menteri dan timbalan menteri turut berkempen menyokong calon Barisan Nasional.

Tetapi, para pengundi di Binjai sendiri perlu meneliti persoalan-persoalan ini kerana hak mereka ialah memilih calon dan parti yang akan mewakili kepentingan mereka di Dewan Undangan Negeri.

Mereka hendaklah sedar tentang faedah dan kebaikan memilih calon yang disokong oleh Kerajaan atau kekurangan dan kerugian memilih calon yang disokong oleh sebuah parti pembangkang, kata seorang pemimpin Barisan Nasional.

Bagi kedua-dua calon, Encik Muda bin Mamat, 31, dari Barisan Nasional dan Encik Abdul Wahab Salleh, 37, dari Pas, 9 Disember dinanti dengan penuh debaran setelah penat berkempen sejak penamaan calon.